

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

PLG_123 - Pengantar Paduan Kepada Pengajaran

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 2.15 petang - 5.15 petang
(3 jam)

PENTING: Baca arahan-arahan di bawah dengan teliti sebelum menjawab soalan-soalan.

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi DUA Bahagian. Jawab DUA soalan dalam Bahagian A dan SEMUA soalan dalam Bahagian B. Soalan-soalan dalam Bahagian A membawa 20 markah tiap-tiap satu dan soalan-soalan bahagian B membawa 30 markah tiap-tiap satu.
2. Jawapan-jawapan dalam Bahagian A hendaklah dijawab dalam buku jawapan biasa tetapi jawapan-jawapan Bahagian B hendaklah dijawab atas kertas soalan itu juga dalam ruangan-ruangan yang disediakan.
3. Mulakan soalan baru dalam buku yang baru.
4. Setiap Bahagian hendaklah diikat berasingan.
5. Anda dinasihatkan supaya mengagihkan masa yang sama bagi tiap-tiap soalan.

BAHAGIAN_A

Jawab DUA soalan sahaja dalam bahagian ini

1. Apakah kriteria-kriteria sesuatu profesi? Merujuk kepada kriteria-kriteria tersebut, pada pendapat anda, bolehkah profesi perguruan dianggap sebagai profesi dalam ertikata yang sebenarnya iaitu sama taraf dengan profesi-profesi yang lain.
2. Apakah sumbangan bidang-bidang ilmu falsafah, psikologi dan sosiologi pendidikan terhadap pendidikan? Bagi tiap-tiap disiplin ilmu tersebut beri contoh-contoh yang konkret untuk menyokong jawapan anda.

...2/-

(PLG 123)

- 2 -

3. Bincangkan peringkat-peringkat perkembangan kognitif (mental) kanak-kanak dari umur 12 tahun hingga 21 tahun.
4. Seorang guru yang inginkan pengajarannya menjadi berkesan, harus mengetahui aspek-aspek yang berkaitan dengan hubungan guru-murid dan hubungan guru-komuniti sekolah. Bincangkan.

...3/-

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 3 -

BAHAGIAN B

5. Soalan ini mengandungi Enam pecahan. Jawab LIMA sahaja.

(a) Cadangkan bagaimana guru boleh melayani murid-murid dalam situasi-situasi berikut:

- (i) Bila jawapan murid dianggap salah
 - (ii) Bila jawapan murid kurang tepat

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 4 -

- (b) Bincangkan TIGA keperluan manusia yang paling asas mengikut turutan seperti yang terdapat dalam teori motivasi Abraham Maslow.

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 5 -

- (c) Bandingkan pendekatan induksi dan deduksi dengan contoh-contoh yang sesuai.

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 6 -

(d) Apakah fungsi dan tujuan menyatakan dalam bilik darjah?

...7/-

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 7 -

- (e) Huraikan prinsip-prinsip penggubalan soalan supaya iaanya berkesan serta mencapai objektif.

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 8 -

- (f) "Pengajaran tidak bererti tanpa pembelajaran". Beri pendapat anda sama ada setuju atau tidak dengan kenyataan di atas dan beri sebab-sebabnya.

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 9 -

6. Soalan ini mengandungi Enam pecahan. Jawab LIMA sahaja.

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan "Rancangan Kerja". Tuliskan DUA tujuan utama mengapa Rancangan Kerja perlu dibuat.

...10/-

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 10 -

- (b) Terdapat beberapa aspek penting dalam persediaan mengajar. Pilih DUA dan bincangkan.

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 11 -

- (c) Dua jenis objektif pengajaran ialah objektif tingkah laku dan objektif bukan tingkah laku. Berikan TIGA contoh bagi tiap-tiap satu dan nyatakan sebab-sebabnya.

...12/-

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 12 -

- (d) Bincangkan prinsip-prinsip yang boleh dijadikan panduan dalam pemilihan alat bantuan mengajar bagi sesuatu pengajaran.

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 13 -

- (e) Senaraikan mengikut susunan, semua aspek penting yang perlu ada dalam penulisan Rancangan Pelajaran Harian.

Angka Giliran: _____

(PLG 123)

- 14 -

- (f) Beri DUA jenis ujian pencapaian. Apakah kekuatan dan kelemahan ujian-ujian tersebut dalam menilai pencapaian murid.

000000000